



RASMI: Kaslim (tengah) merasmikan secara simbolik kendaraan baharu yang dimiliki UMS.

Pembelian bas baharu untuk keselesaan warga UMS

UB 22.09.2023 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menambah lapan bas baharu dengan kos pembelian RM4.9 juta untuk kegunaan dan keselesaan warganya.

Daripada jumlah itu, tujuh bas berkapasiti 45 tempat duduk dan sebuah bas coaster berkapasiti 25 tempat duduk.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, penambahan bas itu adalah untuk kegunaan warga UMS khususnya bagi aktiviti pengajaran dan pem-

belajaran.

“Penambahan bas ini adalah sebagai salah satu persiapan bagi menyambut kemasukan pelajar baharu di UMS yang akan mula mendaftar pada 30 September nanti.

“Seperti tahun-tahun sebelumnya, UMS juga akan menggunakan bas-bas ini untuk menjemput pelajar baharu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Stesen Bas Inanam,” katanya.

Beliau berkata demikian

sewaktu merasmikan Majlis Perasmian Bas Baharu UMS di Dataran Dewan Canselor, baru-baru ini.

Tambah Kasim, pihak Jabatan Pembangunan dan Penyeleggaraan (JPP) UMS telah berusaha sejak tahun 2021 untuk memastikan perolehan dan pembelian bas baharu itu berjaya direalisasikan.

“Saya berharap dengan adanya bas baharu ini, ia membantu meningkatkan lagi mutu perkhidmatan UMS, sekaligus menjamin keselesaan pelajar

dan warga UMS di samping memberi imej tinggi kepada universiti,” katanya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Ir Dr. Rosalam Hj. Sarbatly; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Profesor Madya Dr. Raman Noordin; Pengarah JPP UMS, Ir. Ts. Mohd Ari Nazrul Abd Rahman serta Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Jeeva Cassandra Abdul Mumin.